



Bahagian Undang-Undang & Penguatkuasaan
Majlis Daerah Kulim

NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF KEDAH DARUL AMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jld. 41
Bil. 1

1 Januari 1998

TAMBAHAN No. 1
PERUNDANGAN

K. P.U. 1.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL TERNAKAN AYAM-ITIK
(MAJLIS DAERAH KULIM) 1994

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Undang-undang Kecil

1. Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Bilangan ternakan bagi suatu reban.
4. Jarak reban dari bangunan kediaman.
5. Kebersihan reban ternakan ayam/itik.
6. Spesifikasi dan sistem pengaliran reban.
7. Lesen yang diperlukan.
8. Pegawai Pelesenan.
9. Bayaran lesen.
10. Mengumpul dan memindah baja-baja.
11. Memasuki reban untuk tujuan pemeriksaan.
12. Penalti.
13. Kompaun kesalahan.

JADUAL PERTAMA.

JADUAL KEDUA.



Faint, illegible text or markings along the right edge of the page, possibly bleed-through from the reverse side.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
UNDANG-UNDANG KECIL TERNAKAN AYAM-ITIK
(MAJLIS DAERAH KULIM) 1994

Aktu 171. PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Pihak Berkuasa Negeri membuat Undang-undang Kecil yang berikut:

Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa.

1. Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan sebagai **Undang-Undang Kecil Ternakan Ayam-Itik (Majlis Daerah Kulim)** dan hendaklah dipakai hanya bagi Majlis Daerah Kulim dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh disiarkan di dalam *Warta*.

Tafsiran.

2. Di dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Kulim;

“reban” ternakan ayam-itik ertinya sebarang pembinaan yang direka atau bertujuan untuk digunakan sebagai tempat perlindungan untuk ayam-itik;

“ternakan ayam-itik” ertinya ayam, itik termasuk ayam belanda, angsa, burung merpati dan ternakan yang lain sejenis dengannya;

“tuan punya” ertinya seseorang yang bertanggungjawab di atas penggunaan atau penyelenggaraan reban ternakan ayam-itik sama ada di bawah jagaan sendiri atau sebagai agen bagi orang lain;

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Daerah Kulim;

Bilangan ternakan bagi suatu reban.

3. (1) Tiada seseorang pun boleh menggunakan sesuatu tempat atau premis sebagai reban ternakan ayam-itik bagi tujuan menyimpan atau menternak ternakan ayam-itik melebihi bilangan 20 ekor di mana-mana tempat dalam kawasan Majlis Daerah Kulim;

(2) Walau apa pun yang terkandung dalam perenggan di atas seseorang yang bercadang untuk menternak ternakan ayam-itik yang melebihi dari bilangan 20 ekor pada satu-satu masa hendaklah mengemukakan kepada Majlis pelan dan spesifikasi reban sepertimana yang dikehendaki oleh Majlis.

Jarak reban dari bangunan kediaman.

4. Jarak sebarang reban ternakan ayam-itik dari bangunan kediaman yang terdekat sekali hendaklah tidak kurang dari yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

5. Tuan punya reban-reban ternakan ayam-itik hendaklah pada setiap masa menjaga supaya reban-reban ternakan ayam-itik itu di dalam keadaan baik, sempurna dan sebersih-bersihnya dikikis dan disapu kapur. Kebersihan reban ternakan ayam-itik.
6. Lantai kepada setiap reban ternakan ayam-itik hendaklah ditinggikan sekurang-kurangnya 203 milimeter (8 inci) dari aras tapak tanah di bawahnya. Tapak tanah di bawahnya hendaklah dilapiskan dengan konkrit simen atau bahan-bahan lain yang boleh menahan penyerapan yang mempunyai kecuraman kurang 1 dalam 60 dan hendaklah disambungkan terus kepada longkang yang tersendiri dibina sebagaimana Majlis boleh mengarahkan dengan lubang perangkap simen yang tertutup di mana isinya hendaklah dialihkan setiap hari di atas perbelanjaan tuan punya reban-reban itu. Sekiranya berlaku kegagalan, Majlis boleh mengarahkan lubang perangkap seumpama itu dibersihkan atas perbelanjaan tuan punya. Spesifikasi dan sistem pengaliran reban.
7. Tiada seorangpun dibenarkan untuk menggunakan sebarang tempat di dalam kawasan Majlis sebagai reban ternakan ayam-itik kecuali dia memegang satu lesen dari Majlis yang mana boleh melulus atau menahan lesen-lesen seumpama itu mengikut budi bicaranya. Setiap pemegang lesen itu hendaklah memperbaharui lesen itu pada tiap-tiap tahun. Lesen yang diperlukan.
8. Pegawai Pelesenan bagi tujuan Undang-undang Kecil ini ialah Yang Dipertua Majlis. Pegawai Pelesenan.
9. Bayaran lesen bagi satu lesen adalah sebagaimana yang ditetapkan di dalam Jadual Kedua. Tiada bahagian dari sebarang bayaran lesen akan dapat dikembalikan dengan sebab-sebab pembatalan atau penggantungan sesuatu lesen. Bayaran lesen.
10. Tuan punya ternakan ayam-itik hendaklah mengumpulkan semua baja, sampah sarap atau najis ayam-itik pada satu tempat untuk dipindahkan dari reban itu dalam masa tidak melebihi dari tujuh hari sekiranya diperlukan oleh Majlis dan baja-baja, sampah sarap atau najis-najis ayam-itik hendaklah disimpan di dalam bekas yang ditutup rapat. Mengumpul dan Memindah baja-baja.
11. Yang Dipertua dan pegawai-pegawai lain yang telah diberi kuasa oleh Yang Dipertua bolehlah memasuki ke setiap bahagian reban ternakan ayam-itik itu bagi tujuan melakukan pemeriksaan. Memasuki reban untuk tujuan pemeriksaan.
12. Seseorang yang melanggar Undang-undang Kecil ini adalah melakukan satu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya. Penalti.

Kompaun
Kesalahan

13. Yang Dipertua, Setiausaha atau mana-mana pegawai Majlis Daerah yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua boleh mengkompaun kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini dengan menerima wang kompaun sejumlah tidak lebih daripada dua ratus lima puluh ringgit.

JADUAL PERTAMA
(Undang-Undang Kecil 4)

Bil. Ternakan Ayam-Itik	Jarak Sekurang-kurang Yang Dikehendaki
21—50 ekor	9 meter (30 kaki)
51—200 ekor	23 meter (75 kaki)
201—500 ekor	30 meter (100 kaki)
Melebihi 500 ekor	100 meter (328 kaki)

JADUAL KEDUA
(Undang-Undang Kecil 9)

Bil. Ternakan Ayam-Itik	Fee Lesen Setahun RM
20 ekor atau kurang	Lesen tidak diperlukan
21—50 ekor atau kawasan kediaman pemeliharaan 3 m.p.—9 m.p. (10—30 k.p.)	60.00
51—200 ekor atau kawasan pemeliharaan 9 m.p.—28 m.p. (100—300 k.p.)	180.00
201—500 ekor atau kawasan pemeliharaan 28 m.p.—56 m.p. (300—600 k.p.)	250.00
501—1000 ekor atau kawasan pemeliharaan 56 m.p.—93 m.p. (600—1000 k.p.)	350.00
1001—5000 ekor atau kawasan pemeliharaan 93 m.p.—465 m.p. (1000—5000 k.p.)	450.00
5001—10,000 ekor atau kawasan pemeliharaan 465 m.p.—930 m.p. (5000—10,000 k.p.)	600.00

*Bil. Ternakan Ayam-Itik**Fee Lesen Setahun*
RM

Jumlah luas lantai melebihi daripada
930 m.p. (10,000 k.p.) dikenakan
RM0.50 sen bagi tiap-tiap meter
persegi (10.9 k.p.) tambahan selepas
itu sehingga maksimum.

4000.00

Diperbuat pada 30 Januari 1994.
[Bil. MDK 900 Jld. 4.]

HAI HASHIM BIN HAI ISMAIL,
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Kulim

Diluluskan pada 6 Disember 1997.
[PSU(K) 98/1396.]

HAI SULAIMAN BIN HAI DAUD,
Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,
Kedah Darul Aman